

13 FEBRUARI 2018

## Cadangan diteliti selagi tak bercanggah undang-undang

**Kuala Lumpur:** Cadangan Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) supaya penagih ganja tidak perlu dihadapkan ke mahkamah boleh diteliti selagi ia tidak bercanggah dengan pemakaian undang-undang sedia ada.

Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Datuk Dr Abd Halim Mohd Hussin berkata, ada undang-undang yang perlu dipatuhi walaupun pada dasarnya ia boleh dielakkan jika individu terbabit sukarela bertemu AADK atau pusat pemulihan untuk mendapatkan rawatan.

“Sebenarnya isu dihadapkan ke mahkamah tidak timbul jika mereka yang mempunyai ketagihan dadah bertemu kita sebelum ditahan bagi membolehkan kita memberi rawatan sesuai berdasarkan tahap penagihan mereka.

## Cadangan diteliti selagi tak bercanggah undang-undang

“Malah menjadi kempen kita di AADK, kita mahukan lebih ramai tampil mendapatkan rawatan bagi masalah penagihan mereka.

“Namun jika ditahan, mereka perlu dihadapkan ke mahkamah kerana kita tidak tahu seteruk mana ketagihan mereka dan ada kemungkinan mereka berupaya mengancam keselamatan orang lain,” katanya.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Narkotik Bukit Aman Datuk Seri Mohamad Salleh ketika dihubungi enggan mengulas isu itu.

Katanya, polis perlu mengkaji setiap sudut sebelum membuat kenyataan berhubung cadangan itu.

Presiden PENGASIH Da-

tuk Mohd Yunus Pathi mencadangkan individu yang didapati positif menggunakan dadah jenis ganja tidak perlu

dihadapkan ke mahkamah dan diberikan kaunseling serta rawatan bagi mengubati ketagihan mereka.

“**Isu dihadapkan ke mahkamah tidak timbul jika mereka yang ketagihan dadah bertemu kita sebelum ditahan**”

*Dr Abdul Halim*

